

# Sokong anak FELDA lakar sejarah

**Serdang:** Gabungan Wawasan Generasi FELDA (GWGF) akan terus menyokong dan berusaha memberi pendidahan kepada anak peneroka untuk melakar lebih banyak kejayaan pada masa akan datang.

Pengerusinya, Tan Sri Rozali Ismail berkata, anak peneroka yang berjaya melanjutkan pengajian di institut pengajian tinggi (IPT) perlu membuktikan mereka mampu mencipta lebih banyak kejayaan.

"Pihak kami akan berusaha membantu menggerakkan anak peneroka dalam

kalangan generasi kedua ini meningkatkan pencapaian untuk menjadikan FELDA terus dikenali dan dihormati di peringkat dunia.

"Terbaru, anak FELDA berjaya mengharumkan nama negara di peringkat dunia apabila berjaya menawan puncak tertinggi dunia pada ekspedisi Everest FELDA 2013, Mei lalu," katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian hadiah sempena pertandingan golf persahabatan dan sesi ramah mesra bersama warga Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Turut hadir pada majlis itu, Naib Canselor UPM Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramli, Timbalan Ketua Setiausaha Hubungan Dua Hala Kementerian Luar Negeri Datuk Husni Zai Yaacob dan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik Datuk Mohlis Jaffar.

Rozali yang juga Pro-Canselor UPM dan Pengerusi Eksekutif Puncak Niaga Holdings Bhd (PNHB) berkata, pelbagai aktiviti dianjurkan setiap tahun sebagai usaha menyokong program pembangunan anak FELDA.



ROZALI (kiri) beramah mesra dengan pelajar UPM, semalam.